

24/01/2001

Hayati semangat waja atlit triatlon: Mahathir

Wan Jailani Abd Razak

SEMANGAT waja yang dimiliki atlit triatlon yang menyertai kejohanan Ironman, wajar dijadikan inspirasi kepada rakyat Malaysia ketika berdepan dengan cabaran, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, ini kerana kejohanan bertaraf dunia itu benar-benar menguji daya tahan dan semangat juang peserta untuk menamatkan perlumbaan membabitkan tiga segmen dalam masa yang ditetapkan.

Malah, katanya, untuk berenang, berbasikal dan berlari dengan jarak di daratan dan laut sejauh 226.2km dalam masa kurang 17 jam adalah kejayaan yang sudah cukup hebat bagi orang biasa.

"Oleh itu, ia adalah satu penghormatan untuk kita sekali lagi dipilih menjadi penganjur kejohanan ini. Perlumbaan ini tidak dinafikan mendatangkan pengajaran berharga untuk kita.

"Tidak ada yang mustahil untuk dicapai jika kita memiliki disiplin, ketabahan dan daya tahan dalam menghadapi cabaran," katanya dalam perutusan buku cenderamata sempena Ironman Malaysia Triatlon, yang diedarkan di Langkawi, semalam.

Ironman Malaysia Triatlon di Langkawi, Ahad ini yang menjadi medan pembuka tirai bagi pusingan kelayakan dunia tahun ini dijangka menyaksikan pertarungan sengit antara jaguh dunia dalam kategori profesional lelaki dan wanita.

Sebanyak 30 slot disediakan bagi kejohanan Ironman Malaysia ke Kejohanan Dunia di Kona, Hawaii dan dua tempat lagi dikhaskan bagi atlit Malaysia yang mencatatkan masa terbaik.

Seseorang atlit perlu menamatkan acara dalam masa 17 jam untuk layak diiktiraf sebagai Ironman. Bagaimanapun, atlit profesional biasanya menghabiskan perlumbaan di antara lapan hingga sembilan jam.

Dr Mahathir yang juga penaung kejohanan itu seterusnya melahirkan rasa gembira kerana berbanding hanya kira-kira 100 peserta menyertai triatlon tahun lalu, dan kini disertai tiga kali ganda di segi penyertaan peserta.

Sambil mengalu-alukan kedatangan peserta dalam dan luar negara untuk menyertai kejohanan itu, Perdana Menteri berkata, ia baru lapan bulan Ironman diadakan di Langkawi.

"Pertambahan peserta adalah petanda baik untuk pembangunan sukan dan industri pelancongan secara amnya.

"Tahniah Langkawi Ironman Endurance Marathon Sdn Bhd (Liem) atas usaha mempromosi kejohanan ini di peringkat antarabangsa dan meletakkan Langkawi sebagai destinasi pelancongan utama negara," katanya.

(END)